



# **GARIS PANDUAN PENCEGAHAN COVID-19 BAGI PELAKSANAAN PILIHAN RAYA**



# PELAKSANAAN PILIHAN RAYA

## Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
1. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  2. Penamaan Calon
  3. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  4. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  5. Hari Semakan Isi Peti Undi
  6. Tempoh Berkempen
  7. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  8. Penjumlahan Rasmi Undi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang Pilihan Raya

Waktu Kehadiran

Sepanjang Pilihan Raya

Kapasiti Kehadiran

Minimum

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pembersihan dan disinfeksi premis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua premis yang telah dikenal pasti akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya perlu <b>dilakukan disinfeksi sebelum dan sebaik sahaja selepas selesai</b> digunakan berdasarkan garis panduan KKM.</li> <li>• Proses pembersihan juga akan dilaksanakan setiap 2 jam di semua premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya.</li> </ul>
Kawalan kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehadiran di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya adalah dalam jumlah yang <b>minima</b> yang mana tidak menjejaskan pelaksanaan proses pilihan raya dan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li> <li>• Maklumat kehadiran bagi setiap individu seperti nama dan nombor telefon perlu direkodkan.</li> </ul>
Saringan suhu badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya perlu melalui saringan suhu badan di pintu masuk utama sebelum dibenarkan untuk masuk ke dalam premis.</li> <li>• Individu yang mempunyai <b>suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas TIDAK DIBENARKAN</b> masuk ke premis dan perlu meninggalkan premis dengan segera. <b>Pengecualian</b> diberikan kepada <b>calon, pencadang dan penyokong</b> semasa Hari Penamaan Calon, <b>pengundi pada hari mengundi awal/ hari mengundi dan Ketua Tempat Mengundi (KTM)</b> pada hari penjumlahan rasmi undi. (Rujuk SOP pengurusan individu bergejala bagi Hari Penamaan Calon, Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi dan penjumlahan rasmi undi).</li> <li>• Individu yang mempunyai suhu badan 37.5°C dan ke atas, batuk, sakit tekak atau susah nafas juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di fasiliti yang berdekatan dengan memakai <i>face mask</i>.</li> </ul>



# PELAKSANAAN PILIHAN RAYA

## Merangkumi

Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu

1. Taklimat Petugas Pilihan Raya
2. Penamaan Calon
3. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
4. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
5. Hari Semakan Isi Peti Undi
6. Tempoh Berkempen
7. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
8. Penjumlahan Rasmi Undi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang Pilihan Raya

Waktu Kehadiran

Sepanjang Pilihan Raya

Kapasiti Kehadiran

Minimum

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penjarakan fizikal di premis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Susun atur meja</b> di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya perlu disusun dengan <b>jarak antara meja adalah 2 meter antara meja dan jarak antara individu sekurang-kurangnya 1 meter.</b></li> <li>• Semua aktiviti yang dilakukan di premis-premis tersebut perlu mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li> </ul>
Penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan sabun tangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua yang hadir ke premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya perlu <b>menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum masuk ke premis</b> dan selepas selesai urusan, iaitu <b>sebelum keluar dari premis</b> tersebut.</li> <li>• Sanitasi tangan atau membasuh tangan dengan sabun dengan lebih kerap juga perlu dilakukan sekiranya terdapat sentuhan dengan peralatan yang diguna sama.</li> </ul>
Penggunaan sarung tangan getah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua <b>petugas pilihan raya dan pegawai SPR</b> yang bertugas bagi setiap proses pilihan raya <b>DIWAJIBKAN</b> memakai sarung tangan getah (<i>glove</i>) sepanjang bertugas</li> <li>• Sanitasi tangan perlu dilakukan setiap kali <b>sebelum</b> memakai <i>glove</i>.</li> <li>• Sanitasi <i>glove</i> dengan lebih kerap juga perlu dilakukan sekiranya petugas pilihan raya atau pegawai SPR kerap bersentuhan dengan peralatan yang diguna sama.</li> <li>• <i>Glove</i> boleh ditukar sekiranya perlu.</li> </ul>
Penggunaan <i>face mask</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya <b>DIWAJIBKAN</b> memakai pelitup muka (<i>face mask</i>) sepanjang masa.</li> </ul>



# PELAKSANAAN PILIHAN RAYA

## Merangkumi

Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu

1. Taklimat Petugas Pilihan Raya
2. Penamaan Calon
3. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
4. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
5. Hari Semakan Isi Peti Undi
6. Tempoh Berkempen
7. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
8. Penjumlahan Rasmi Undi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang Pilihan Raya

Waktu Kehadiran

Sepanjang Pilihan Raya

Kapasiti Kehadiran

Minimum

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kenderaan yang digunakan	<p><b>DISINFEKSI KENDERAAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan yang digunakan (kenderaan persendirian/ kenderaan Jabatan) dalam pelaksanaan pilihan raya <b>TIDAK PERLU</b> dilakukan disinfeksi.</li> <li>• Walau bagaimanapun, kenderaan komersial atau yang disewa untuk kegunaan pilihan raya <b>PERLU</b> dilakukan disinfeksi mengikut garis panduan KKM sebelum pertama kali digunakan dan selepas selesai digunakan sepenuhnya.</li> <li>• Sekiranya mana-mana penumpang/pemandu bagi mana-mana kenderaan didapati positif COVID-19 maka disinfeksi kenderaan akan dilakukan.</li> </ul> <p><b>PENJARAKAN FIZIKAL</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi kenderaan yang digunakan sebagai kenderaan petugas pilihan raya/pegawai SPR, bilangan penumpang yang dibenarkan adalah <b>mengikut kapasiti bilangan penumpang kenderaan</b></li> <li>• Bagi kenderaan PP-KPR dan kenderaan yang digunakan bagi tujuan berkempen oleh calon/parti politik, bilangan penumpang yang dibenarkan adalah <b>mengikut kapasiti bilangan penumpang kenderaan</b>.</li> <li>• Nama dan nombor telefon penumpang dan pemandu yang menggunakan kenderaan perlu direkodkan setiap kali berlaku perubahan.</li> <li>• <i>Face mask</i> perlu sentiasa dipakai ketika berada di dalam kenderaan yang dinaiki lebih dari dua (2) orang.</li> </ul>
Jamuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara <i>pack-food</i>, hidangan (<i>served</i>), <i>dome setting</i> atau <i>buffet</i> yang diseliakan oleh pramusaji untuk mencedok makanan ke pinggan petugas. Petugas juga digalakkan untuk menggunakan sarung tangan pakai buang (<i>disposable gloves</i>) bagi mencedok makanan ke pinggan.</li> </ul>



# PELAKSANAAN PILIHAN RAYA

## Merangkumi

- Semua proses pelaksanaan pilihan raya, iaitu
1. Taklimat Petugas Pilihan Raya
  2. Penamaan Calon
  3. Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi
  4. Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos
  5. Hari Semakan Isi Peti Undi
  6. Tempoh Berkempen
  7. Hari Mengundi Awal/ Hari Mengundi
  8. Penjumlahan Rasmi Undi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada perkara yang tidak dibenarkan bagi setiap proses pilihan raya

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang Pilihan Raya

Waktu Kehadiran

Sepanjang Pilihan Raya

Kapasiti Kehadiran

Minimum

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Surau/ruang solat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Hand sanitizer</b> perlu digunakan sebelum memasuki surau/ruang solat.</li> <li>• Setiap individu digalakkan membawa <i>water spray</i> masing-masing untuk mengambil wuduk di surau/ruang solat.</li> <li>• Jarak antara setiap individu perlulah mematuhi <b>penjarakan fizikal</b> iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.</li> <li>• Setiap individu <b>digalakkan membawa sejadah sendiri</b> bagi mengelakkan perkongsian yang boleh meningkatkan risiko jangkitan.</li> <li>• <b>Face mask WAJIB</b> digunakan sepanjang di dalam surau/ruang solat.</li> <li>• Setiap individu yang menggunakan surau/ruang solat perlu <b>bersegera</b> untuk memberikan peluang kepada orang yang lain bagi menunaikan solat.</li> <li>• Perubahan SOP bagi penggunaan surau/ruang solat ini tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam dari semasa ke semasa.</li> </ul>




# TAKLIMAT PETUGAS PILIHAN RAYA

## Merangkumi

Semua taklimat dan latihan yang akan diberikan kepada petugas-petugas pilihan raya yang telah dilantik oleh Pegawai Pengurus bagi melaksanakan pilihan raya

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sebelum Hari Penamaan Calon

Waktu Kehadiran Peserta

9.00 pagi – 6.00 petang

Kapasiti Peserta, Penceramah dan Urusetia

Kehadiran berdasarkan kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah keseluruhan peserta, penceramah dan urusetia bagi setiap sesi adalah tertakluk kepada kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal bergantung kepada saiz tempat taklimat/latihan dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li> </ul>
Taklimat berkenaan COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat berkenaan COVID-19 akan disampaikan oleh pegawai KKM kepada semua petugas pilihan raya</li> </ul>
Taklimat Secara Atas Talian ( <i>Online</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat/latihan kepada petugas pilihan raya akan disampaikan secara atas talian (<i>online</i>).</li> <li>• Sistem/aplikasi yang akan digunakan adalah <i>Virtual Online Training and Education</i> (VOTE), Skype dll.</li> <li>• Bagi peserta yang tidak dapat turut serta taklimat/latihan secara <i>online</i>, <i>hardcopy/softcopy</i> bahan taklimat/latihan akan dihantar kepada peserta.</li> </ul>



# PENAMAAN CALON

## Merangkumi

Semua urusan sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Perhimpunan atau perarakan oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon termasuk penyokong-penyokong parti politik

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

8.00 pagi – 12.00 tgh hari

Waktu Kehadiran Calon

9.00 pagi – 10.00 pagi

Kapasiti Kehadiran

Kehadiran berdasarkan kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan laluan masuk ke PPC perlu dihadkan bagi tujuan kawalan (laluan media, laluan calon/ pencadang/penyokong, laluan pemerhati dan laluan Ahli/pegawai SPR/petugas pilihan raya)</li> <li>• Kawalan kehadiran adalah seperti berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah <b>maksimum</b> kehadiran di dalam dewan PPC adalah <b>tertakluk kepada saiz dewan PPC dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</b>;</li> <li><b>Calon, pencadang dan penyokong</b> dibenarkan masuk ke dalam dewan PPC untuk mengemukakan dokumen penamaan calon. Pencadang dan penyokong akan duduk di luar dewan PPC di khemah modula yang disediakan setelah proses penyerahan borang penamaan selesai.</li> <li>Khemah modula di luar dewan (untuk penyokong, pencadang, petugas) ini disediakan dengan jumlah kapasiti minima di dalam setiap khemah dan mengamalkan penjarakan fizikal.</li> <li><b>Sekiranya ketiga-tiga individu ini bergejala, calon atau pencadang atau penyokong</b> akan ke <b>khemah khas</b> bagi menyerahkan dokumen penamaan calon. Dua orang lagi akan diminta untuk mendapatkan rawatan di pusat kesihatan yang berdekatan;</li> <li>Kehadiran Ahli/Pegawai SPR, PDRM, petugas pilihan raya, pemerhati dan petugas media perlu dalam bilangan yang <b>minima</b>; dan</li> <li>Wakil parti/ penyokong parti <b>TIDAK DIBENARKAN</b> hadir ke PPC. Aktiviti <b>berkumpul dan perarakan</b> oleh penyokong parti juga <b>TIDAK DIBENARKAN</b> di mana-mana tempat sepanjang Hari Penamaan Calon.</li> </ol> </li> </ul>



# PENAMAAN CALON

## Merangkumi

Semua urusan sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Perhimpunan atau perarakan oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon termasuk penyokong-penyokong parti politik

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

8.00 pagi – 12.00 tgh hari

Waktu Kehadiran Calon

9.00 pagi – 10.00 pagi

Kapasiti Kehadiran

Kehadiran berdasarkan kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Saringan suhu badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua yang hadir di PPC perlu melalui saringan suhu badan di <b>pintu masuk utama PPC</b> semasa di dalam kenderaan sebelum dibenarkan untuk masuk ke perkarangan PPC.</li> <li>• Individu (selain salah seorang daripada calon atau pencadang atau penyokong) yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki perkarangan/dewan PPC dan perlu meninggalkan premis dengan segera.</li> <li>• Individu berkenaan juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di fasiliti yang berdekatan.</li> <li>• Calon atau pencadang atau penyokong (salah seorang) yang <b>bergejala</b> perlu terus ke <b>parkir khas dan seterusnya ke khemah khas</b> untuk urusan serahan borang penamaan calon dan tindakan lanjut oleh pegawai KKM.</li> </ul>





# PENAMAAN CALON

## Merangkumi

Semua urusan sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

**Perhimpunan atau perarakan** oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon termasuk penyokong-penyokong parti politik

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

8.00 pagi – 12.00 tgh hari

Waktu Kehadiran Calon

9.00 pagi – 10.00 pagi

Kapasiti Kehadiran

Kehadiran berdasarkan kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Calon atau pencadang atau penyokong calon yang bergejala	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon atau pencadang atau penyokong yang <b>mempunyai gejala</b> perlu <b>diasing dan ditempatkan</b> di <b>khemah khas</b> dengan serta-merta.</li> <li>• Petugas pilihan raya perlu ditempatkan di khemah khas bagi urusan penerimaan dokumen penamaan calon manakala kakitangan dari KKM perlu ditempatkan bagi tujuan khidmat bantuan perubatan dan kawalan infeksi untuk kes individu bergejala.</li> <li>• Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta <b>memakai PPE (penutup hidung dan mulut, apron, pelindung muka dan sarung tangan)</b> sepanjang mengendalikan individu berkenaan.</li> <li>• Petugas pilihan raya akan <b>mengambil gambar dokumen penamaan calon</b> dan kemudiannya dihantar kepada petugas di dalam dewan PPC untuk tindakan seterusnya.</li> <li>• Selepas selesai urusan penamaan calon, individu bergejala akan diuruskan oleh pegawai KKM untuk tindakan lanjut.</li> </ul>



# HARI SEMAKAN ISI PETI UNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semakan isi peti undi sehari sebelum hari mengundi dan sesi persediaan pusat mengundi dan tempat mengundi (saluran)

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

8.00 pagi – 5.00 petang

Waktu Kehadiran Peserta

9.00 pagi – 5.00 petang

Kapasiti Peserta, Penceramah dan Urusetia

Kehadiran berdasarkan kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	<p>Sesi semakan isi peti undi akan dilaksanakan beberapa sesi dengan maksimum kehadiran bagi setiap sesi adalah mengikut kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan laluan masuk ke pusat semakan isi peti undi perlu dihadkan bagi tujuan kawalan (laluan calon/ejen pilihan raya dan laluan Ahli/pegawai SPR/petugas pilihan raya).</li> <li>• Kehadiran di pusat semakan isi peti undi termasuklah Ahli/Pegawai SPR, PDRM, pemerhati dan petugas pilihan raya perlu dalam bilangan yang <b>minima</b>.</li> <li>• <b>Tiada petugas media</b> dibenarkan hadir semasa Hari Semakan Isi Peti Undi.</li> <li>• Hanya <b>2 orang petugas pilihan raya bagi setiap saluran dibenarkan hadir</b> ke sesi semakan untuk menyemak isi peti undi.</li> <li>• Kehadiran bagi semua yang hadir perlu direkodkan.</li> </ul>



# TEMPOH BERKEMPEN

## Merangkumi

Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen

## Arahan Tetap

- SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta.
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi

Waktu Kehadiran

Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi

Kapasiti Kehadiran

Tertakluk kepada saiz ruang dan penjarakan fizikal

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Ceramah/Syarahan/ Kempen	<ol style="list-style-type: none"> <li>Penganjur <b>perlu mendapatkan permit dari pihak polis.</b></li> <li>Penganjur mematuhi protokol berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penganjur perlu mengenalpasti <b>lokasi yang bertutup/berpagar</b> bagi mengawal kehadiran peserta.</li> <li>• <b>Mewujudkan kaunter saringan kesihatan</b> bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. <b>Peserta dengan suhu badan melebihi 37.5°C atau bergejala TIDAK DIBENARKAN masuk.</b></li> <li>• Penganjur, urus setia dan penceramah juga perlu menjalani saringan kesihatan.</li> <li>• Petugas di kaunter memastikan para peserta membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan <b>merekod kehadiran peserta.</b></li> <li>• Mewajibkan semua urus setia, penceramah dan peserta untuk sentiasa memakai penutup muka (<i>face mask</i>).</li> <li>• Mengawal pintu masuk dan kehadiran peserta yang masuk ke ruang persidangan dengan hanya memastikan satu ruangan untuk masuk dan satu ruangan untuk keluar.</li> <li>• Kehadiran peserta hendaklah <b>tidak melebihi 250 orang atau kurang</b>, tertakluk kepada saiz keluasan ruang dengan penjarakan fizikal.</li> <li>• Memastikan peserta mematuhi <b>penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</b></li> <li>• Menyusun dan <b>menanda kedudukan peserta</b> di dalam ruang persidangan dengan memastikan <b>penjarakan fizikal 1 meter antara susunan tempat duduk.</b></li> </ul> </li> </ol>

## Merangkumi

Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen

## Arahan Tetap

- SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta.
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi

Waktu Kehadiran

Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi

Kapasiti Kehadiran

Minimum

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kempen ziarah rumah ke rumah	<p>a. Kempen ziarah rumah ke rumah adalah <b>DIBENARKAN</b> dengan mematuhi protokol berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon/wakil <b>sentiasa memakai penutup muka (<i>face mask</i>)</b>.</li> <li>• Calon/wakil <b>merekod rumah-rumah yang diziarah</b> bagi tujuan pengesanan.</li> <li>• <b>TIDAK DIBENARKAN bersentuhan atau bersalaman</b> di antara calon/wakil dengan penghuni rumah.</li> <li>• Sentiasa mematuhi <b>penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</b>.</li> <li>• Hanya tiga (3) orang sahaja dibenarkan terlibat dalam ziarah rumah ke rumah.</li> </ul>
Pemasangan <i>Bunting/ Banner</i> dan Pengedaran <i>Pamphlet</i>	<p>a. Calon <b>DIBENARKAN</b> untuk memasang <i>banner</i>, dan <i>bunting</i> di dalam kawasan pilihan raya.</p> <p>b. Calon juga <b>DIBENARKAN</b> untuk mengedarkan <i>pamphlet</i> bagi tujuan berkempen di peti-peti surat penduduk sekitar dengan <b>mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</b>.</p> <p>c. Pengedaran <i>pamphlet</i> kepada orang awam secara <b>bersemuka dengan pengundi DIBENARKAN</b> dengan mematuhi protokol berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon/wakil <b>sentiasa memakai penutup muka (<i>face mask</i>)</b>.</li> <li>• <b>TIDAK DIBENARKAN bersentuhan atau bersalaman</b> di antara calon/wakil dengan orang awam.</li> <li>• Sentiasa mematuhi <b>penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</b>.</li> </ul>

## Merangkumi

Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen

## Arahan Tetap

- SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta.
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

**Waktu Beroperasi**

**Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi**

**Waktu Kehadiran**

**Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi**

**Kapasiti Kehadiran**

**Minimum**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kempen Menggunakan Media Massa dan Media Cetak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon digalakkan menggunakan aplikasi sosial seperti <b>Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Wechat, Snapchat, Whatsapp, Telegram</b> dan lain-lain aplikasi sebagai alat untuk menyampaikan kempen.</li> <li>• Calon juga digalakkan menggunakan rangkaian <b>televisyen</b> untuk menyampaikan kempen.</li> <li>• Calon juga digalakkan menggunakan <b>akhbar tempatan</b> untuk mempromosikan kempen.</li> <li>• Calon perlu mengaplikasikan penggunaan teknologi di dalam tempoh kempen selaras “Norma Baru” yang perlu diamalkan rentetan pandemik COVID-19.</li> <li>• Calon <b>perlu mendapatkan permit/lesen/kebenaran</b> dari agensi yang terlibat (polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dll.) serta tertakluk kepada peraturan/keperluan semasa.</li> <li>• Calon-calon yang bertanding masih tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) semasa berkempen.</li> </ul>
Kempen Melalui Pembesar Suara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon digalakkan untuk berkempen melalui <b>kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara pada waktu yang munasabah.</b></li> <li>• Calon <b>perlu mendapatkan permit dari pihak polis.</b></li> <li>• Tempoh masa dan lokasi untuk berkempen adalah tertakluk kepada permit yang diluluskan oleh pihak polis.</li> <li>• Kenderaan yang dipasang dengan alat pembesar suara boleh berhenti (lingkungan 5-7 minit) di sepanjang laluan dalam menyampaikan ceramah tetapi dengan syarat perlu bergerak apabila orang ramai mula berkumpul</li> <li>• Calon masih tertakluk untuk mengamalkan <b>penjarakan fizikal</b> seperti yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.</li> <li>• Calon-calon yang bertanding masih tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)</li> </ul>



# TEMPOH BERKEMPEN

## Merangkumi

Semua aktiviti sepanjang tempoh berkempen

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Rujuk kepada aktiviti yang tidak dibenarkan semasa tempoh berkempen

## Arahan Tetap

- SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta.
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi

Waktu Kehadiran

Sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi

Kapasiti Kehadiran

Minimum

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pergerakan merentas sempadan daerah/negeri bagi tujuan kempen pilihan raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergerakan mana-mana pihak untuk merentas sempadan daerah/negeri bagi tujuan kempen pilihan raya adalah tertakluk kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa.</li> </ul>
Bilik jawatankuasa (bilik gerakan parti)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bilik jawatankuasa (bilik gerakan parti)</b> dibenarkan untuk beroperasi bagi <b>setiap calon</b>.</li> <li>• Calon perlu memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dilaksanakan semasa mengoperasikan bilik jawatankuasa tersebut.</li> <li>• Bilangan individu yang boleh berada di dalam bilik jawatankuasa tersebut dalam satu-satu masa adalah <b>tertakluk kepada saiz bilik dan pematuhan penjarakan fizikal</b> sekurang-kurangnya 1 meter.</li> <li>• Maklumat nama dan nombor telefon bagi setiap orang yang memasuki bilik tersebut perlu direkodkan.</li> </ul>



# HARI MENGUNDI AWAL/ HARI MENGUNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

7.00 pagi –  
10.00 malam

Waktu Kehadiran Pengundi

8.00 pagi –  
5.30 petang

Kapasiti Kehadiran

Mengikut jumlah pengundi

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran pengundi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petugas pilihan raya perlu memastikan <b>penjarakan fizikal di khemah saringan suhu badan adalah sentiasa dipatuhi.</b></li> <li>• <b>Kehadiran di pusat mengundi</b> termasuklah Ahli/Pegawai SPR, PDRM, petugas pilihan raya, petugas media, ejen parti/calon dan pemerhati pilihan raya perlu dalam bilangan yang <b>minima.</b></li> <li>• Ejen parti/calon yang telah selesai bertugas atau pengundi yang telah selesai mengundi perlu segera meninggalkan pusat mengundi.</li> <li>• Nama pengundi, nombor telefon dan masa hadir di pusat mengundi akan direkodkan di pintu keluar pusat mengundi <b>SEBELUM</b> pengundi meninggalkan pusat mengundi.</li> </ul>
Saringan suhu badan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beberapa stesen saringan suhu badan akan disediakan di pintu utama semua pusat mengundi.</li> <li>• Semua individu yang hadir <b>perlu melalui saringan suhu badan.</b></li> <li>• Stesen saringan suhu badan khas bagi pengundi <b>warga emas dan OKU</b> akan disediakan.</li> <li>• Individu yang mempunyai <b>suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas perlu diasing dan ditempatkan di tempat khas (khemah khas untuk memangkah)</b> untuk tindakan lanjut.</li> </ul>



# HARI MENGUNDI AWAL/ HARI MENGUNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

**Waktu Beroperasi**

7.00 pagi –  
10.00 malam

**Waktu Kehadiran Pengundi**

8.00 pagi –  
5.30 petang

**Kapasiti Kehadiran**

**Mengikut jumlah pengundi**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penjarakan fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan maksimum pengundi bagi setiap saluran adalah <b>600 orang</b>.</li> <li>• Jumlah saluran ditambah bagi mengelakkan kesesakan di saluran. Petugas pilihan raya perlu memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter sentiasa dipatuhi oleh pengundi.</li> <li>• Pengundi berusia 60 tahun ke atas dan OKU akan mengundi di saluran 1 dan diasingkan dari pengundi lain.</li> <li>• <b>Cadangan masa yang digalakkan bagi setiap pengundi untuk keluar mengundi</b> dinyatakan di dalam <i>Voter's Card</i> bagi mengawal jumlah pengundi yang datang ke pusat mengundi dalam satu-satu masa. Peringkat waktu yang digalakkan adalah:               <ol style="list-style-type: none"> <li>8.00 pagi-10.00 pagi</li> <li>10.00 pagi -12.00 tengahari</li> <li>12.00 tengahari – 2.00 petang</li> <li>2.00 petang - 4.30 petang</li> </ol> </li> </ul>
Penggunaan <i>hand sanitizer</i> oleh pengundi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pengundi yang hadir untuk mengundi perlu menggunakan <i>hand sanitizer</i> di tempat-tempat berikut:               <ol style="list-style-type: none"> <li>Di khemah saringan pusat mengundi;</li> <li>Di pintu masuk saluran;</li> <li>Selepas jari telunjuk kiri pengundi dicelup dalam dakwat kekal, iaitu sebelum pengundi menerima kertas undi; dan</li> <li>Di pintu keluar pusat mengundi</li> </ol> </li> </ul>
Penggunaan kerusi roda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petugas pilihan raya hendaklah memastikan penjarakan fizikal dikekalkan sewaktu mengendalikan pengundi yang menggunakan kerusi roda.</li> <li>• Kerusi roda hendaklah <b>disanitasi setiap kali selepas digunakan</b>.</li> </ul>





# HARI MENGUNDI AWAL/ HARI MENGUNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

7.00 pagi –  
10.00 malam

Waktu Kehadiran Pengundi

8.00 pagi –  
5.30 petang

Kapasiti Kehadiran

Mengikut jumlah pengundi

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengundi yang bergejala	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengundi yang mempunyai <b>suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas</b> hendaklah diasingkan serta-merta daripada pengundi yang lain dan mengundi di <b>tempat khas (khemah khas untuk memangkah)</b>.</li> <li>• Dakwat ditandakan di jari telunjuk kiri pengundi menggunakan <b>berus</b> yang dipakai buang bagi setiap pengundi bergejala.</li> <li>• Pengundi kemudiannya <b>WAJIB</b> memakai sarung tangan pakai buang (getah) <b>sebelum memegang kertas undi</b> dan ke petak mengundi di dalam khemah khas untuk memangkah undi.</li> <li>• Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta <b>memakai PPE (penutup hidung dan mulut, apron, pelindung muka dan sarung tangan)</b> sepanjang mengendalikan individu berkenaan.</li> <li>• Petugas perlu membuat sanitasi tangan sekerap mungkin (sambil memakai sarung tangan) setiap kali berurusan pengundi bergejala.</li> <li>• Pembersihan dan <b>sanitasi petak mengundi</b> perlu dilakukan setiap kali pengundi yang bergejala selesai menanda kertas undi masing-masing.</li> <li>• Pengundi bergejala akan diuruskan oleh Pegawai KKM yang bertugas untuk tindakan lanjut.</li> </ul>



# HARI MENGUNDI AWAL/ HARI MENGUNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

7.00 pagi –  
10.00 malam

Waktu Kehadiran Pengundi

8.00 pagi –  
5.30 petang

Kapasiti Kehadiran

Mengikut jumlah pengundi

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengundi yang positif COVID-19 dan dikuarantin semasa hari mengundi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi <b>pengundi yang berstatus COVID-19 positif</b>, mereka adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> keluar dari hospital untuk mengundi kerana masih dalam rawatan dan sememangnya masih berjangkit dan boleh membawa jangkitan kepada awam selagi mana masih dalam rawatan.</li> <li>• Pengundi berstatus <i>patient under investigation (PUI)</i> dan <i>person under surveillance (PUS)</i> yang ingin mengundi <b>HENDAKLAH MEMOHON KEBENARAN</b> dari <b>Pegawai Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah</b> yang mengawasi Arahan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian berkenaan, untuk keluar sementara ke Pusat Mengundi. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada penilaian risiko jangkitan oleh Pegawai Kesihatan Daerah tersebut dan pengundi perlu mematuhi semua garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.</li> </ul>



# HARI MENGUNDI AWAL/ HARI MENGUNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semasa hari mengundi awal / hari mengundi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti yang dilarang seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit.

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

**Waktu Beroperasi**

7.00 pagi –  
10.00 malam

**Waktu Kehadiran Pengundi**

8.00 pagi –  
5.30 petang

**Kapasiti Kehadiran**

**Mengikut jumlah pengundi**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pengundi yang berada di luar sempadan daerah/ negeri semasa hari mengundi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengundi adalah <b>DIBENARKAN</b> untuk merentas sempadan daerah/negeri bagi tujuan mengundi namun masih tertakluk kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa.</li> </ul>
Penandaan dakwat pilihan raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jari telunjuk kiri pengundi dicelup dalam dakwat kekal dan kemudian dilakukan sanitasi tangan sebelum pengundi menerima kertas undi.</li> </ul>
Kawalan media	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehadiran petugas media di pusat-pusat mengundi adalah pada bilangan yang <b>minima</b>.</li> <li>• <b>Sesi sidang media/temuramah</b> di pusat-pusat mengundi akan ditetapkan oleh SPR bagi memastikan pematuhan penjarakan fizikal.</li> <li>• <b>Temu bual secara spontan (terjah)</b> atau di <b>luar masa</b> yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan.</li> </ul>



# PENJUMLAHAN RASMI UNDI

## Merangkumi

Semua aktiviti semasa penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Perhimpunan atau perarakan oleh mana-mana pihak di mana-mana lokasi sebelum, semasa dan selepas penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya termasuk penyokong-penyokong parti politik

## Arahan Tetap

- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh KKM, MKN, SPR dan PDRM yang sedang berkuatkuasa
- Tertakluk kepada arahan/ peraturan/ akta yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi

8.00 pagi –  
11.00 malam

Waktu Kehadiran

5.30 petang –  
11.00 malam

Kapasiti Peserta, Penceramah dan Urusetia

Kehadiran berdasarkan kesesuaian kapasiti ruang/ tempat dengan penjarakan fizikal

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan laluan masuk ke PPRU perlu dihadkan bagi tujuan kawalan (laluan media, laluan calon dan laluan Ahli/ pegawai SPR/ petugas pilihan raya)</li> <li>• <b>Kehadiran di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)</b> termasuklah Ahli/Pegawai SPR, PDRM, petugas pilihan raya, pemerhati dan petugas media perlu dalam bilangan yang <b>minima</b>.</li> <li>• <b>Hanya 30 orang penyokong bagi calon yang menang dan 3 orang penyokong bagi setiap calon lain yang bertanding dibenarkan hadir ke PPRU.</b> Kebenaran untuk masuk ke PPRU akan dimaklumkan dan pas masuk akan diedarkan oleh Pegawai Pengurus sebelum pengumuman keputusan pilihan raya dibuat.</li> <li>• Khemah modula di luar dewan (untuk petugas pilihan raya) disediakan dengan jumlah kapasiti minima di dalam setiap khemah dan mengekalkan penjarakan fizikal.</li> </ul>
Ketua Tempat Mengundi (KTM) yang bergejala	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi penghantaran peti undi di PPRU, KTM yang didapati bergejala ketika saringan perlu <b>diasing dan ditempatkan di khemah khas</b> dengan serta-merta.</li> <li>• Petugas pilihan raya perlu ditempatkan di khemah khas bagi urusan penerimaan peti undi dan dokumen pilihan raya manakala kakitangan dari KKM perlu ditempatkan bagi tujuan khidmat bantuan perubatan dan kawalan infeksi untuk kes individu bergejala.</li> <li>• Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta <b>memakai PPE (penutup hidung dan mulut, apron, pelindung muka dan sarung tangan)</b> sepanjang mengendalikan individu berkenaan.</li> <li>• Petugas pilihan raya akan <b>mengambil gambar dokumen pilihan raya</b> dan kemudiannya dihantar kepada petugas di dalam dewan PPRU untuk tindakan seterusnya.</li> <li>• Selepas selesai urusan penjumlahan rasmi undi, individu bergejala tersebut akan diuruskan oleh pegawai KKM bertugas untuk tindakan lanjut.</li> </ul>